Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global terus berkembang pada suku pertama 2019.**
- **Permintaan luaran yang lebih rendah menyebabkan prestasi eksport dalam ekonomi serantau semakin lembap.**
- **Walau bagaimanapun, volatiliti pasaran kewangan berkurang, disokong oleh keadaan monetari ekonomi maju yang akomodatif.**

Ekonomi global terus berkembang

Ekonomi global terus berkembang pada suku pertama 2019. Banyak ekonomi maju dan ekonomi serantau mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan atau mampan pada suku tersebut, kecuali Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK).

Pertumbuhan ekonomi AS meningkat dengan pesat melangkaui unjuran pasaran. Walau bagaimanapun, peningkatan ini didorong terutamanya oleh sokongan sementara daripada penambahan inventori. Pelaburan swasta berkurang, menunjukkan kegiatan dalam negeri yang lemah. Di kawasan euro, pertumbuhan pada amnya mampan berikutan sedikit perkembangan yang tidak begitu menggalakkan dalam beberapa ekonomi utama. Di Jerman (mencakupi 29% daripada KDNK kawasan euro), industri automobilnya telah terjejas oleh pelaksanaan piawaian baharu bagi pelepasan asap bahan api oleh kenderaan yang menggunakan diesel. Pelaksanaan piawaian baharu itu telah menjejaskan jualan kenderaan di dalam dan luar negeri. Memandangkan rangkaian pengeluaran rantaian nilai yang luas merentas beberapa negara di kawasan euro, kesan pelaksanaan piawaian baharu itu turut menjejaskan negara-negara di kawasan tersebut. Di UK, pertumbuhan ekonominya bertambah baik disebabkan oleh penambahan inventori sebelum Brexit.

Aktiviti ekonomi global terus meningkat pada S1 2019

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan Republik Rakyat China (RR China) kekal stabil. Pelaburan dalam infrastruktur, serta reformasi cukai dan rangsangan monetari yang bersasaran telah menyumbang kepada kegiatan dalam negeri yang lebih kukuh daripada jangkaan. Sementara itu, pertumbuhan negara-negara Asia yang lain lebih sederhana, apabila permintaan dalam negeri yang stabil telah diimbangi oleh eksport yang lebih lemah.

Pertumbuhan eksport negara serantau menguncup pada S1 2019

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia

Volatiliti pasaran kewangan reda

Rajah 3: Indeks Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport lebih rendah

Kesemua ekonomi Asia, kecuali RR China, mencatatkan penguncupan dalam pertumbuhan eksport pada suku pertama. Hal ini mencerminkan permintaan luaran yang lebih lemah secara keseluruhan. Kemerosotan yang besar ini juga sebahagiannya disebabkan oleh kesan daripada kegiatan eksport yang dibuat lebih awal pada suku-suku sebelumnya.

Eksport EA-8[1] ke RR China merosot sebanyak 8%, disebabkan oleh kemerosotan yang mendadak dalam eksport RR China ke AS. Kemerosotan ini berpunca daripada eksport kelengkapan dan peralatan elektronik yang lebih rendah berikutan pengenaan tarif yang lebih tinggi oleh AS ke atas produk berasaskan teknologi keluaran RR China pada separuh kedua tahun 2018. Sebaliknya, eksport EA-8 ke AS meningkat sebanyak 12%. Hal ini berpotensi menunjukkan peralihan rantaian bekalan serantau memandangkan negara pengeksport EA-8 ingin mengelak daripada kesan berpanjangan daripada tarif AS yang lebih tinggi ke atas import dari RR China.

Volatiliti pasaran kewangan berkurang

Volatiliti pasaran berkurang pada suku pertama, disokong oleh perubahan dalam pendirian dasar monetari bank-bank pusat utama. Penangguhan langkah untuk mengembalikan dasar monetari ke paras lebih wajar oleh Federal Reserve AS, dan pengumuman pusingan baharu pembiayaan bank bersasaran oleh *European Central Bank* (ECB) telah menyebabkan keadaan kewangan global menjadi lebih baik serta sentimen pelabur yang lebih positif. Tanda-tanda perkembangan positif dalam rundingan perdagangan antara AS dengan RR China juga telah meningkatkan pasaran pada suku pertama 2019. Keadaan kewangan dalam negara sedang pesat membangun yang lain bertambah baik, seperti yang ditunjukkan oleh indeks ekuiti yang kembali pulih selepas mengalami tempoh penjualan pada suku sebelumnya.

Harga purata minyak mentah Brent menurun kepada USD64 setong (S4 2018: USD69) disebabkan oleh jangkaan yang berterusan bahawa terdapat lebihan bekalan minyak dunia. Namun begitu, harga minyak disokong oleh pengurangan keluaran oleh OPEC+ dan gangguan bekalan minyak mentah, terutamanya di Venezuela.

[1] EA-8 merujuk Hong Kong SAR, Korea, China Taipei, Singapura, Malaysia, Thailand, Indonesia dan Filipina.